

## **Faktor Yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia**

Zairon Mustapha  
Politeknik METrO Johor Bahru, Malaysia  
E-mail:pengarah\_pmjb@yahoo.com

Mohd Yusof Tawang  
Politeknik METrO Johor Bahru, Malaysia  
E-mail:mav8827@yahoo.com

Abdul Halim Ahmad  
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia  
E-mail:abdhalim@uum.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini membincangkan faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia berdasarkan Model Niat Keusahawanan (EIM). Kolej Komuniti adalah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang dibina untuk menyalurkan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan terhadap komuniti setempat. Matlamat penubuhan Kolej Komuniti adalah melahirkan pekerja mahir selaras dengan konsep K-Ekonomi dan peningkatan ilmu melalui kursus pendek yang ditawarkan. Selain itu Kolej Komuniti juga menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi di kawasan setempat. Graduan Kolej Komuniti telah digalakkan menjadi usahawan dan membina perniagaan mereka sendiri. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik kepada 1,277 orang pelajar Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tiga faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan responden iaitu sikap peribadi pelajar sendiri dan faktor norma subjektif, iaitu sokongan sosial daripada keluarga dan rakan-rakan. Manakala faktor lain ialah faktor kawalan tingkah laku pelajar yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan dan keupayaan mereka dalam mengendalikan perniagaan mereka sendiri. Sehubungan dengan itu, Model Niat Keusahawanan (EIM) telah disahkan sebagai model yang sesuai untuk dijadikan kajian kecenderungan keusahawanan.

**Kata kunci:** Kolej Komuniti, Model Niat Keusahawanan, Komuniti Setempat

### **Abstract**

This study considers the factors that influence entrepreneurial intentions among Community College students in Malaysia based on Entrepreneurship Intention Model (EIM). The purpose of Community College is to deliver the knowledge and entrepreneurial skills to the local community. The goal of the Community Colleges is to produce skilled workers with the concept of a knowledge *K-Ekonomi* and increasing knowledge through the short courses. Besides that, Community College also offers courses related to economic activities in the local area and the Community College

graduates were encouraged to become entrepreneurs and build their own business. The total of 1.277 community college student involve in the research. The findings indicated three factors that influence entrepreneurial intentions among respondents that students own personal attitude and subjective norm factor, namely social support from family and friends. While another factor is the factor that controls the behavior of students have great faith in the ability and their ability to control their own business. As a result, the Entrepreneurial Intention Model (EIM) has been confirmed as an appropriate model to be used as a study entrepreneurship.

**Keywords: Community College, Model Intentions Entrepreneurship, Local Community**

## **1. Pengenalan**


Langkah kerajaan Malaysia menubuhkan Kolej Komuniti pada tahun 2000 telah mengubah lanskap sistem pendidikan negara. Di awal penubuhan dengan hanya 12 buah Kolej Komuniti rintis, sehingga Januari 2015, 91 buah kolej komuniti telah beroperasi di seluruh negara. Perkembangan pesat ini menunjukkan peranan Kolej Komuniti telah diterima oleh semua komuniti setempat. Kolej Komuniti menawarkan pelbagai kursus jangka pendek untuk semua golongan masyarakat di samping kursus sepenuh masa peringkat diploma dan sijil bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Kolej Komuniti diperkukuhkan lagi peranan sebagai institusi latihan kemahiran dan hab pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti setempat dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal dan vokasional termasuk perdagangan, pertanian, kesihatan dan lain-lain seperti teknologi, keusahawanan, perniagaan, dan perkhidmatan.

Usaha penubuhan Kolej Komuniti adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi Negara yang memberi penekanan kepada aktiviti pemantapan program pembangunan keusahawanan secara lebih terancang dan holistik. Matlamat utama dasar ini adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di Kolej Komuniti bagi memastikan matlamat dasar keusahawanan tersebut dapat direalisasikan. Semua inisiatif ini adalah bertujuan untuk memastikan semua pelajar Kolej Komuniti yang terlibat secara langsung dengan aktiviti keusahawanan mempunyai niat keusahawanan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti. Semua inisiatif yang dijalankan dianggap berjaya sekiranya pelajar dapat mengubah sikap tingkah laku yang positif terhadap keusahawanan, mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi serta mempunyai niat keusahawanan yang positif. Takrifan usahawan dalam kajian ini adalah berdasarkan takrifan yang dicadangkan oleh Hisrich et al., (1995) iaitu usahawan adalah seorang individu yang sanggup mengambil risiko untuk memulakan bisnes.

## **2. Latar Belakang dan Hipotesis Kajian**

Kajian ini menggunakan Model Niat Keusahawanan (EIM) yang diasaskan oleh Linan dan Chen (2009) sebagai rujukan utama (Shapero, 1982; Bird, 1988; Krueger, 1993; Krueger & Carsrud, 1993; Davidsson, 1995; Kolvereid, 1997, Eekko Autio et al., 2001). Model ini dibentuk berdasarkan kerangka teori awal yang dibentuk oleh Ajzen (1991). Model ini digunakan sebagai memberi penekanan kepada faktor personal dan sosial dalam menerangkan niat tingkah laku (Beck dan Ajzen, 1991; Harland et al., 1999; Tkachev dan Kolvereid, 1999). Objektif kajian ini cuba meneliti hubungan faktor yang berpotensi mempengaruhi niat keusahawanan seseorang individu. Model Niat Keusahawanan (rujuk Rajah 1) mempunyai tiga komponen utama iaitu sikap personal (*personal attitude*), norma subjektif (*subjective norm*) dan tanggapan kawalan tingkah laku (*perceived behavioral control*).



Rajah 1: Model Niat Keusahawanan  
 Sumber: Linan & Chen (2009)

Sikap personal merujuk pada sikap seseorang individu sama ada positif atau negatif dalam membuat keputusan terhadap sesuatu bidang yang ingin diceburinya (Ajzen 1991, 2002). Selain daripada itu, Kalafatis et al., (1999) menegaskan bahawa tarikan personal terhadap jumlah hasil yang dijangkakan diambil kira memungkinkan niat atau hasrat seterusnya ke arah kecenderungan keusahawanan. Kenyataan ini juga disokong oleh Linan et al., 2007. Ini menunjukkan bahawa tarikan personal bergantung kepada individu itu sendiri. Kajian-kajian terdahulu secara konsisten menyokong hubungan positif antara sikap personal dengan niat keusahawanan (misalnya, Ajzen, 1991; Krueger & Carsrud, 1993; Linan et al., 2007; Tsogas, 1999). Bagi maksud kajian ini, hipotesis kajian yang pertama adalah seperti berikut:

*H<sub>1</sub>: Terdapat pengaruh positif di antara sikap personal dengan niat keusahawanan*

Menurut Ajzen (1991, 2002), norma subjektif adalah merupakan pengaruh persekitaran yang mempengaruhi tindakan seseorang individu untuk bertindak balas secara positif atau sebaliknya. Pengaruh persekitaran ini antara lain adalah terdiri daripada rakan sebaya, keluarga, parti politik, organisasi agama dan lain-lain. Ini bermakna jika seseorang individu itu terpengaruh dengan individu dalam persekitarannya atau individu dalam persekitarannya menyokong


penglibatannya maka mereka akan cenderung untuk mewarisi norma-norma persekitaran tersebut. Kajian lampau menyokong hubungan positif yang kuat antara norma subjektif dengan niat keusahawanan (misalnya, Ajzen, 1991; Krueger & Carsrud, 1993; Linan et al., 2007; Tsogas, 1999). Berdasarkan huraian di atas, hipotesis kedua kajian adalah seperti berikut:

*H<sub>2</sub>: Terdapat pengaruh yang positif di antara norma subjektif dengan niat keusahawanan*

Kawalan tingkah laku terkawal merujuk pada tahap kesukaran melaksanakan sesuatu perlakuan yang memberi kesan kepada keyakinan seseorang individu tersebut melakukan apa yang dikehendakinya (Ajzen, 1991, 2002; Kalafatis et al., 1999). Konsep yang sama dibahaskan oleh Bandura, (1977) melalui Teori Pembelajaran Sosial dan Teori Efikasi Kendiri Terkawal oleh Shapero dan Sokol, (1982). Hujah oleh Krueger dan Carsrud, (1993) melalui teori kawalan tingkah laku menegaskan bahawa elemen kecenderungan boleh digunakan untuk mengukur kawalan tingkah laku. Sikap boleh mempengaruhi tingkah laku dan ini membawa kepada kecenderungan tersebut. Kolveroid (1996) dalam kajian untuk meramal niat keusahawanan menggunakan teori kawalan tingkah laku. Penjelasan di atas membawa kepada pembentukan hipotesis ketiga kajian seperti berikut:

*H<sub>3</sub>: Terdapat pengaruh yang positif di antara kawalan tingkah laku terkawal dengan niat keusahawanan*

Huraian dan penjelasan di atas membawa kepada pembentukan model kerangka kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Model Kerangka Kajian Niat Keusahawanan

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Soal selidik ini telah

diadaptasi daripada soalan yang dibangunkan oleh Linan et al., (2007). Kajian rintis telah dibuat ke atas 50 orang pelajar yang terdiri daripada 25 orang pelajar Kolej Komuniti Paya Besar dan 25 orang pelajar Kolej Komuniti Kuantan. Kajian rintis ini bertujuan untuk memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi serta dapat menyelesaikan masalah yang mungkin berlaku semasa kajian dijalankan (Mohd Majid Konting, 1993; Bordens dan Abbett, 2008). Dari maklum balas yang diterima, beberapa pengubahsuaian kecil telah dibuat bagi menyesuaikan sifat kajian ini. Soal selidik akhir terdiri daripada 20 soalan dengan darjah persetujuan berdasarkan Skala Likert lima markah yang mempunyai pilihan 1 hingga 5, masing-masing: “Sangat tidak setuju”, “Tidak setuju”, “Tidak pasti”, “Setuju” dan “Sangat setuju”. Nilai alpha yang diperolehi dari kajian rintis ialah 0.77. Ini bermakna kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan sesuai digunakan untuk kajian ini.

Sebanyak 2310 borang soal selidik telah diedarkan kepada 77 buah Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Setiap Kolej Komuniti diedarkan sebanyak 30 set borang soal selidik. Sebanyak 1523 (65.93%) set borang telah dikembalikan. Setelah ditapis dan dibersihkan, sebanyak 251 borang digugurkan kerana terdapat kecacatan pada jawapan yang diberi seperti tidak lengkap dan jawapan yang tidak menunjukkan variasi dalam jawapan.

#### 4. Analisis Data

Data dianalisis menggunakan dua kaedah iaitu analisis deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) manakala analisis inferensi menggunakan Model Persamaan Berstruktur Dua Separa (*Partial Least Square Structural Equation Model* [PLS-SEM]) bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu niat keusahawanan.

#### 5. Dapatan


Berdasarkan dapatan kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mendapati bahawa Hipotesis 1 menunjukkan sikap personal akan mempengaruhi niat keusahawanan dengan nilai pekali ( $\beta$ ) 0.50. Hipotesis 2 pula menunjukkan norma subjektif akan mempengaruhi niat keusahawanan dengan mempunyai nilai pekali ( $\beta$ ) 0.24. Manakala Hipotesis 3 memberi tanggapan bahawa kawalan tingkah laku akan mempengaruhi niat keusahawanan dan mempunyai niat pekali ( $\beta$ ) 0.20. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, dapat dirumuskan bahawa faktor sikap personal merupakan faktor utama yang mempengaruhi niat keusahawanan pelajar Kolej Komuniti. Pengaruh norma subjektif adalah lebih berbanding dengan kawalan tingkah laku dalam mempengaruhi niat keusahawanan pelajar Kolej Komuniti. Hubungan antara faktor ini digambarkan seperti dalam Rajah 3.

Jadual 3: Pengujian Hipotesis Bagi Model Niat Keusahawanan

HIPOTESIS	HUBUNGAN	KOEFISIEN	T-STATISTIK	SOKONGAN
H <sub>1</sub>	SIKAP PERSONAL - NIAT	0.50	17.47***	disokong

KEUSAHAWANAN				
H <sub>2</sub>	NORMA SUBJEKTIF - NIAT KEUSAHAWANAN	0.24	8.86***	disokong
KAWALAN				
H <sub>3</sub>	TINGKAHLAKU - NIAT KEUSAHAWANAN	0.20	9.60***	disokong

*t-values >1.96 \*(p<0.05); t-values >2.85 \*\*(p<0.01); t-values >3.29 \*\*\*(p<0.001)*



Rajah 3: Faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan

Dapatan hasil kajian juga menunjukkan nilai varian konstruk endogen ( $R^2$ ) = 0.67. Nilai  $R^2$  menunjukkan peratus perubahan terhadap konstruk bersandar dalam hubungannya dengan konstruk tidak bersandar.

## 6. Perbincangan

Hasil kajian mendapati bahawa niat keusahawanan pelajar Kolej Komuniti dipengaruhi oleh ketiga-tiga faktor yang telah diuji di mana faktor sikap personal merupakan faktor pendorong utama. Ini adalah kerana nilai  $R^2$  bagi niat keusahawanan adalah 0.67 menandakan 67 % varian niat keusahawanan dapat dijelaskan oleh konstruk-konstruk tidak bersandar yang dipertimbangkan dalam model penyelidikan. Ini menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah tersebut boleh diramalkan secara statistik terhadap niat keusahawanan. Dalam konteks ini, EIM adalah model yang sesuai untuk mengkaji niat keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti.

## 7. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, model yang dibangunkan dalam kajian ini adalah relevan untuk menentukan sama ada hala tuju dan matlamat Kolej Komuniti untuk menghasilkan tekno-usahawan akan

dapat dicapai atau tidak pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, model ini juga boleh digunakan untuk membantu pihak pengurusan agar dapat menghasilkan perancangan strategik setelah Kolej Komuniti mempunyai potensi untuk menghasilkan tekno-usahawan berbanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

## 8. Cadangan dan Limitasi

Hasil dapatan kajian ini telah mengesahkan bahawa EIM adalah model yang sesuai untuk digunakan terhadap kajian kecenderungan keusahawanan. Walau bagaimanapun, keputusan ini perlu ditafsirkan mengikut kumpulan pelajar yang berbeza kerana Kolej Komuniti terdiri daripada tiga jenis kumpulan pelajar iaitu pelajar sepenuh masa, pelajar modular dan pelajar pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, bagi kajian pada masa hadapan, faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti mengikut jenis kumpulan serta kajian berdasarkan jenis program keusahawanan perlu diberi perhatian dengan sewajarnya.

## Rujukan

Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.

Ajzen, I. (2002). Perceived Behavioral control, Self-Efficacy, Locus of Control, and The Theory of Planned Behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665-683.

Brandstatter, H. (1997). Becoming an entrepreneur – a question of personality structure? *Journal of Economic Psychology*, 18(2-3), 157-177.

Brockhaus, R.H. (1987). Entrepreneurial folklore. *Journal of Small Business Management*, 25(3), 1-6.

Hisrich, R.D. & Peters, M.P.(1995). *Entrepreneurship: Starting, developing and Managing a New Enterprise* (3rd ed). Chicago: Irwin.

Kalafatis, S.P., Pollard, M., East, R. & Tsogas, M.H. (1999). Green Marketing.

Krueger, N.F. & Carsrud, A.L. (1993). Entrepreneurial intentions: Applying the theory of planned behaviour. *Entrepreneurship & Regional Development*, 5, 315-330.

Kolvereid, L. (1996). Organizational Employment versus Slef-Employment: Reasons For Career Choice Intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 20(3), 23-31.

Johnson, B.R. (1990). Toward a multidimensional model of entrepreneurship: The case of achievement motivation and the entrepreneur. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 14(3), 39-54.

Linan, F & Chen Y.W (2009). Development and Cross-Cultural Application of a Specific Instrument to Measure Entrepreneurial Intentions. In *Entrepreneurship Theory and Practice*, 504-510.

Robinson, P.B., Stimpson, D.V., Huefner, J.C., & Hunt, H.K. (1991). An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 15(4), 13-31.